

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (3)

12 Mac 2023
19 Syaaban 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.18/2023

GANTIAN CUTI BAGI HARI KELEPASAN AM YANG BERLAKU SERENTAK PADA 23 MAC 2023

Dimaklumkan bahawa satu pengumuman telah dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Johor pada 9 Mac 2023 mengenai gantian cuti bagi Hari Kelepasan Am yang berlaku serentak pada 23 Mac 2023.

2. Hari Kelepasan Am bagi negeri Johor sempena Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor adalah pada 23 Mac 2023 (Khamis) dan sekiranya Awal Ramadan yang juga merupakan Hari Kelepasan Am bagi Negeri Johor jatuh pada tarikh yang sama, maka Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju mengisytiharkan tarikh 26 Mac 2023 (Ahad) sebagai Hari Kelepasan Am selaras dengan Seksyen 3, Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369).

3. Sehubungan itu, semua urusan atau program yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar hendaklah diteruskan seperti biasa. Staf yang terlibat dengan program yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian (tertakluk kepada tempoh jam bekerja).

4. Pekeliling ini hanya terpakai bagi staf Universiti Teknologi Malaysia di kampus Johor Bahru dan Pagoh sahaja.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NAI/GA/qaah